

PERSATUAN KEBAJIKAN AM ORANG-ORANG ISLAM
KAMPONG BAHAGIA 36000 TELUK INTAN
NO. PENDAFTARAN : PPM-004-08-13101970

TUJUAN PERTUBUHAN

Tujuan Pertubuhan ini adalah untuk memberi bantuan wang kepada Ahli dan Tanggungan Ahli apabila berlaku kematian di antara mereka.

SYARAT-SYARAT MENJADI AHLI

- a) Kriteria keahlian Pertubuhan adalah seperti berikut:
 - i Kewarganegaraan : **Malaysia**
 - ii Umur Minima dan Maksima : **16 – 60 Tahun**
 - iii Kawasan Tempat Tinggal : **Dalam Kariah Masjid As Saadah Kg Bahagia Teluk Intan semasa permohonan dibuat**
- b) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa sebarang sebab
- c) Tiap-tiap permohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan hendaklah diterima menjadi ahli Pertubuhan

YURAN KEAHLIAN

- a) Wang Pendaftaran Ahli Baru adalah sebanyak RM10.00
- b) Setiap ahli dikehendaki menjelaskan YURAN TAHUNAN sebanyak RM24.00
- c) Yuran Tahunan hendaklah dijelaskan kepada bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 180 hari dari awal tiap-tiap tahun
- d) Ahli yang membiarkan hutang yurannya dan sumbangan kematian lebih daripada dua (2) tahun akan menerima surat peringatan oleh atau wakil setiausaha dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan
- e) Ahli yang membiarkan hutang yurannya dan sumbangan kematian lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) tahun dengan sendirinya terhenti menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil

terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan hutang terlebih dahulu

- f) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang
- g) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, wang itu dianggap sama seperti hutang yuran

WANG BANTUAN KEMATIAN

Wang bantuan akan dikeluarkan oleh Bendahari Persatuan apabila berlaku kematian seperti berikut:

- a) Kematian Ahli Sendiri RM1,100.00
- b) Kematian Pasangan Ahli RM1,100.00
- c) Kematian Tanggungan Ahli
 - Seperti Anak / Ibu / Bapa / Mertua RM500.00
- d) Menguruskan Jenazah di rumah Ahli RM300.00

SYARAT PENGELUARAN WANG BANTUAN

- a) Ahli layak memohon bantuan wang setelah genap tiga (3) bulan menjadi ahli yang berdaftar
- b) Wang bantuan akan dikeluarkan atas nama ahli atau nama tanggungan yang terdapat di dalam borang pendaftaran menjadi ahli
- c) Hanya satu bantuan boleh dituntut pada setiap kematian yang berlaku di Malaysia sahaja
- d) Dokumen sokongan yang diperlukan bagi setiap tuntutan adalah SIJIL MATI / PERMIT MENGUBUR, SALINAN KAD PENGENALAN SIMATI ATAU DOKUMEN LAIN YANG DIIKTIRAF OLEH PERSATUAN
- e) Tuntutan Bantuan Kematian hendaklah dilakukan dalam tempoh 90 hari selepas kes kematian tersebut berlaku. Sebarang tuntutan yang lewat tidak akan dilayan.